

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL
TARIKH : 18 MAC 2019 (ISNIN)

SOALAN NO. 63

Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI** menyatakan apakah tindakan pihak Kementerian dalam menangani hakisan tebing sungai yang dihadapi oleh penduduk kampung di kawasan Parlimen Tenom hingga menimbulkan kerosakan tanaman dan mengancam keselamatan penduduk.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah diperuntukkan kos siling projek sebanyak RM50 juta dalam *Rolling Plan* Ke-2 (2017), RMKe-11 bagi pelaksanaan Rancangan Tebatan Banjir Sungai Padas, Lembangan Sungai Padas, Tenom. Pelaksanaan projek ini adalah bagi menangani kemusnahan harta benda, tanaman dan ancaman kepada penduduk akibat banjir serta runtuh tebing di Tenom. Komponen projek merangkumi pembinaan ban banjir sepanjang 3.85km di Sungai Padas untuk mengelakkan limpahan banjir ke kawasan Pekan Tenom termasuk juga membaiki tebing-tebing sungai kawasan yang berhampiran.

Projek tersebut masih dalam proses reka bentuk terperinci dan kerja-kerja fizikal dijangka akan dilaksanakan pada bulan Oktober 2019.

Sekian, terima kasih